

Submission date: 04/07/2019

Accepted date: 13/10/2019

**KESESUAIAN KANDUNGAN BUKU IQRA' BRAILLE 1 SEBAGAI
PERMULAAN PENGAJARAAN AL-QURAN KEPADA GOLONGAN OKU
PENGLIHATAN*****The Suitability of Iqra' Braille 1 as the Foundation in Teaching al-Quran for
Visually Impaired People***

Kauthar Abd Kadir, Mahyuddin Bin Hashim, Nurul Asiah Fasehah Bt Muhamad,
Haji Norakyairee Bin Mohd. Raus, Noornajihan binti Ja'afar, Nur Badriah Binti
Omar

Universiti Sains Islam Malaysia

kauthar@usim.edu.my

Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan bukanlah satu perkara yang boleh dipandang enteng. Justeru, kertas kerja ini akan membahaskan mengenai Iqra' Braille yang telah ditranskripsikan oleh beberapa penyelidik dari Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan menganalisa buku Iqra' Braille 1 dari aspek isi kandungan, panduan dan aktiviti serta persembahan. Objektif kajian ini adalah 1) mengenalpasti kesesuaian isi kandungan Iqra' Braille 1 sebagai pengenalan asas al-Quran kepada golongan OKU penglihatan, 2) mengenalpasti kesesuaian panduan dan aktiviti yang terdapat dalam Iqra' Braille 1 sebagai pengenalan asas al-Quran kepada golongan OKU penglihatan, dan 3) mengkaji kesesuaian persembahan Iqra' Braille 1 bagi golongan OKU penglihatan. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan Iqra' Braille 1 sesuai digunakan sebagai permulaan pengajaran al-Quran bagi OKU penglihatan dari sudut isi kandungan, panduan dan aktiviti serta persembahan. Iqra' Braille 1 juga sangat membantu OKU penglihatan dalam mempelajari al-Quran. Namun begitu terdapat beberapa penambahbaikan yang harus dilakukan bagi menyesuaikan penggunaan Iqra' Braille 1 dengan keupayaan golongan OKU penglihatan. Para penyelidik masa hadapan dicadangkan untuk mengkaji sudut kemampuan dan tempoh yang diambil oleh pelajar golongan OKU penglihatan dalam menghabiskan silibus pembelajaran Iqra' Braille 1.

Kata Kunci: kesesuaian, Buku Iqra' Braille 1, permulaan pengajaran al-Quran, OKU penglihatan.

Abstract

Teaching and learning al-Quran for visually impaired people (OKU) is not something that can be taken lightly. Therefore, this paper will discuss about Iqra' Braille 1 that has been transcribed by a few researchers from Universiti Sains Islam Malaysia. This study was conducted using qualitative approach by analyzing Iqra' Braille 1 in term of the contents, guidelines, activities as well as the performances. The objectives of this study are: i) to identify the suitability of Iqra' Braille 1 as the foundation in teaching al-Quran for visually impaired people, ii) to identify the suitability of guidelines and activities in Iqra' Braille 1 as the foundation in teaching al-Quran for visually impaired people, and iii) to analyze the compatibility of presentations of Iqra' Braille 1 for visually impaired people. The study found that the content, guidelines, activities and presentations of Iqra' Braille 1 are suitable as the foundation in teaching al-Quran for visually impaired people, but there's some improvement must be made to adjust the usability and compatibility of Iqra' Braille 1 with the ability of visually impaired people. Future researchers are suggested to study about the ability and the time taken by visually impaired people in completing the syllabus of Iqra' Braille 1.

Keywords: the suitability, Iqra' Braille 1, foundation, teaching al-Quran, visually impaired people.

PENDAHULUAN

Mempelajari al-Quran itu merupakan kewajiban bagi setiap orang Islam yang mukallaf. Sesuai dengan firman Allah dalam surah An-Nur ayat 1:

سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Terjemahannya : "(Ini adalah) Satu surah yang Kami menurunkannya dan Kami mewajibkannya serta Kami turunkan padanya itu ayat-ayat yang terang, supaya kalian mengambil pengertian."

Ibnu Khaldun (2002) menyatakan dalam kitabnya Muqaddimah bahawa "Al-Quran itu perlu dipelajari dan dibaca oleh kanak-kanak pada peringkat awal, kerana membaca al-Quran akan menanamkan benih-benih keimanan ke dalam jiwa kanak-kanak". (Yusof Al-Qardhawi, 2010) menegaskan bahawa membaca dan menghafal al-Quran pada usia kanak-kanak dapat meluruskan lidah, membaca huruf dengan tepat, dan mengucapkannya sesuai dengan makhraj huruf. Jelaslah betapa pentingnya pembelajaran al-Quran dimulai sejak kanak-kanak lagi. Pembelajaran al-Quran tidak terbatas atau terhad kepada anak-anak atau individu tipikal sahaja, bahkan juga kepada kanak-kanak dari golongan orang kelainan upaya.

Pembelajaran al-Quran bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat Malaysia hari ini. Banyak kajian dilakukan dan pelbagai kaedah diperkenalkan bagi memudahkan pembelajaran al-Quran. Antara kaedahnya adalah kaedah Al-Baghdadi, Iqra', Haraki dan banyak lagi. Semua kaedah ini diperkenalkan dengan satu tujuan dan objektif yang sama iaitu membolehkan umat Islam pada hari ini mampu membaca al-Quran dengan betul (Yusoff, Abdulaziz, & Mohamed, 2001). Ini dapat dilihat sejak Program Jawi, al-Quran, Arab, Fardu Ain (J-QAF) diperkenalkan pada tahun 2005, setiap sekolah kebangsaan bantuan kerajaan mempunyai jadual waktu khusus untuk pelajar-pelajar bagi mempelajari al-Quran.

Pembelajaran bukan sahaja penting bagi individu tipikal, bahkan ia juga penting kepada golongan orang kelainan upaya. Hal ini dibuktikan apabila pelbagai kajian dilakukan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa kanak-kanak kelainan upaya tidak perlu disisihkan dari pendidikan kerana ketidakupayaan mereka (Hashim, 2016), khususnya pendidikan Islam. Hashim (2016) turut menyatakan bahawa data-data menunjukkan bahawa dengan kaedah pedagogi yang sesuai, golongan kelainan upaya ini dapat menjalankan tuntutan agama Islam sama seperti murid tipikal yang lain. Sebagaimana pendidikan Islam penting kepada golongan tipikal, maka dapat disimpulkan bahawa golongan OKU juga memerlukan perhatian dan bimbingan dalam mempelajari perkara berkaitan agama Islam (Ishak, 2016).

Kaedah Iqra' adalah satu kaedah pengajaran membaca al-Quran yang disusun sebagai usaha mengadaptasi dan mengubah suai kaedah lama (Baghdadi). Ia bertujuan agar kelancaran membaca al-Quran dapat dicapai dalam masa yang singkat dan cepat. Kaedah ini disusun oleh al-Marhum Ustaz Haji Asad Humam (Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musholla Yogyakarta) berdasarkan pengalaman mengajar al-Quran sejak tahun 1950 dan melalui percubaan serta penyelidikan yang mendalam.

Pada mulanya kaedah Iqra' ini digunakan dalam Majlis Tadarus Remaja di Wilayah Yogyakarta dan sekitarnya. Kemudian, ia dikembangkan oleh aktivis Tadarus Remaja ini dengan membimbing anak-anak pengajian di kelompok masing-masing. Hasilnya, ramai kanak-kanak berusia 6 tahun yang mengikuti program ini mampu membaca al-Quran. (H.Muhammad Jazir ASP, 1994). Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan mengenai pengajaran al-Quran terhadap golongan kelainan upaya (OKU) penglihatan. Tumpuan kajian difokuskan terhadap buku Iqra' Braille 1 yang diterbitkan oleh beberapa penyelidik USIM dengan kerjasama Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan bahagian buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2012.

1. PERNYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF

1.1. Pernyataan Masalah

Berdasarkan kajian lepas, peratusan dalam kalangan pelajar bermasalah penglihatan terhadap penguasaan dan kebolehan membaca al-Quran tidak mencapai 50%. Hanya 42% pelajar yang mencapai tahap sederhana fasih (Khadijah Abdul Razak, 2002). Selain itu, laporan pemantauan sepanjang tiga tahun di sebuah sekolah kebangsaan pendidikan khas menunjukkan jumlah murid tercicir yang gagal dalam penguasaan asas al-Quran lebih tinggi berbanding bilangan murid sederhana dan cemerlang.

Berdasarkan temu bual bersama Ustaz Mohd Fauzi Mat Osman (2013), guru pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma dan Cikgu Zakaria bin Yahya (2011) Yang Dipertua PERTIS mendapati bahawa timbul permasalahan apabila model yang digunakan untuk golongan tipikal ini (Kamarul Azmi Jasmi, 2013 & Abd. Ghafur, 2012) tidak sesuai dengan kemampuan OKU penglihatan. Ini kerana model tersebut tidak mengambil kira perbezaan kaedah penulisan Braille (Mustaqim et al, 2013) dan ketidakupayaan dalam penglihatan.

Buku pembelajaran al-Quran bagi golongan tipikal telah ditranskripsi ke dalam bentuk Braille, walau bagaimanapun menurut Mahyuddin et al (2016) pembinaan peringkat awal modul pembelajaran hanya mengambil kira penggunaan deria lihat sahaja, tidak pada deria sentuh. Pengabaian terhadap deria sentuh semasa pembinaan modul pembelajaran akan menyebabkan aspek-aspek kekuatan dan kelebihan deria tersebut diabaikan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan kepada analisa dokumen dari sudut isi kandungan, panduan dan aktiviti serta persembahan bagi mengetahui kesesuaian kandungan buku iqra braille 1 sebagai permulaan pengajaran al-Quran kepada OKU penglihatan.

1.2. Objektif Kajian


Berdasarkan permasalahan yang telah dinyatakan, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut: -

- i. Mengenalpasti kesesuaian isi kandungan Iqra' Braille 1 sebagai pengenalan asas al-Quran kepada golongan OKU penglihatan.
- ii. Mengenalpasti kesesuaian panduan dan aktiviti yang terdapat dalam Iqra' Braille 1 sebagai pengenalan asas al-Quran kepada golongan OKU penglihatan.
- iii. Mengkaji kesesuaian persembahan Iqra' Braille 1 bagi golongan OKU penglihatan.

2. ANALISIS IQRA' BRAILLE 1

2.1. Analisis Terhadap Kandungan


Iqra' Braille 1 mempunyai 33 halaman. Isi kandungannya sama seperti Iqra' yang digunakan oleh individu tipikal. Semua kandungannya melalui proses transkripsi huruf demi huruf dari Iqra' yang asal. Pembelajaran dimulai dengan membaca huruf *Alif* (ا) dan *Ba* (ب) yang berbaris *fathah*. Tujuannya adalah untuk memperkenalkan pelajar dengan bunyi sebutan huruf berbaris *fathah*. Kemudian, setiap muka surat seterusnya akan ditambah satu huruf baru sebagai pengenalan.



Rajah 3.1 : Pembelajaran pertama dalam Iqra' Braille buku 1


2.2. Analisis Terhadap Panduan Dan Aktiviti

Setiap arahan dan panduan di dalam Iqra' Braille 1 melalui proses transkripsi huruf demi huruf tanpa menitikberatkan keperluan dan kesesuaian golongan OKU penglihatan. Sebagai contoh, terdapat arahan yang memfokuskan kepada bentuk huruf *hijaiyah*, sedangkan pelajar OKU penglihatan tidak mengenali bentuk huruf kerana mereka belajar menggunakan Braille yang hanya mempunyai 6 dot di dalam 1 sel. Arahan ini sesuai bagi pelajar tipikal sahaja.



Rajah 3.2 : Panduan mengajar Iqra’ Braille 1

Aktiviti pembelajaran yang terdapat dalam Iqra’ Braille 1 ini juga sama seperti Iqra’ asal. Di awal pembelajaran, pelajar berkenalan dengan bunyi sebutan huruf *Alif* (ا) dan *Ba* (ب) yang berbaris *fathah*. Kemudian di muka surat seterusnya akan ditambah huruf baru. Selesai aktiviti membaca, pelajar akan mengulang semula huruf *hijaiyyah* yang dipelajari mengikut susunan dari huruf *Alif* (ا) sehingga huruf terakhir yang dipelajari dalam keadaan semasa. Selepas selesai pembelajaran sehingga huruf terakhir iaitu huruf *Ya* (ي), pelajar akan diminta untuk membezakan bunyi bagi huruf-huruf yang mempunyai bunyi sebutan yang hampir serupa. Sebagai contoh huruf *Alif* (ا) dan *‘Ain* (ع), huruf *Tha* (ث) dan *Sa* (س), dan huruf-huruf yang lain.



Rajah 3.3: Perbandingan huruf yang hampir sama bunyi sebutan


2.3. Analisis Terhadap Persembahan Buku

Saiz Iqra' Braille 1 lebih besar dari saiz Iqra' biasa yang digunakan oleh individu tipikal berikutan jenis kertas braille dengan ukuran 11 x 12 inci yang digunakan bersesuaian dengan penulisan Braille. Ketebalan Iqra' Braille 1 juga melebihi Iqra' asal, perkara ini tidak dapat dielakkan kerana jenis tulisan itu sendiri adalah jenis *emboss* (timbul).




Rajah 3.4: Muka depan Iqra' Braille 1

Sesetengah muka surat di dalam Iqra' Braille 1 di susun secara *centralized* (berpusat; di tengah-tengah), dan terdapat jarak yang jauh antara huruf-huruf di sebelah kiri dan kanan. Keadaan ini mungkin sukar bagi pelajar OKU penglihatan kerana tulisan Braille dibaca dari kiri ke kanan dan mereka menggunakan deria sentuhan. Apabila terdapat jarak yang jauh antara huruf, kemungkinan pelajar OKU penglihatan ini tidak sedar masih terdapat kandungan berbaki di sebelah kanan pada halaman buku.



Rajah 3.5: Susun atur secara berpusat ditengah-tengah (*centered*)




Rajah3.6: Jarak yang jauh antara isi kandungan

3. DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN



Hasil dari kajian mendapati bahawa buku Iqra' Braille 1 sesuai digunakan oleh OKU penglihatan sebagai permulaan pengajaran al-Quran namum begitu terdapat beberapa bahagian di dalam Iqra' Braille 1 sama ada dari segi isi kandungan, panduan dan aktiviti serta persembahan susun atur boleh diperbaiki agar lebih mesra OKU penglihatan.

Kajian ini mencadangkan agar aktiviti pembelajaran dimulakan dengan mengenali dot-dot Braille bagi huruf-huruf *hijaiyyah* secara berturutan. Secara tidak langsung, golongan OKU penglihatan dapat mengenali nama-nama huruf *hijaiyyah* dan memudahkan proses pembelajaran seterusnya.

Selain itu, beberapa bahagian yang tidak diperlukan oleh golongan OKU penglihatan boleh dikeluarkan dari Iqra' Braille 1. Sebagai contoh dalam rajah 4.1, menunjukkan aktiviti yang bertujuan untuk mengenali urutan huruf *hijaiyyah* dalam buku Iqra' 1 bagi golongan tipikal yang mana tidak sesuai digunakan oleh OKU penglihatan kerana dot-dot braille bagi huruf *hijaiyyah* tidak sama dengan huruf *hijaiyyah* tipikal.



Rajah 4.1: Pengenalan nama huruf di dalam Iqra' Braille 1 dan Iqra'



Rajah 4.2: Panduan menggunakan Iqra' Braille 1

Rajah di atas menunjukkan panduan menggunakan Iqra' Braille 1. Walau bagaimanapun, panduan ini telah ditranskripsi secara terus huruf demi huruf dari Iqra' asal yang digunakan oleh pelajar tipikal. Terdapat beberapa panduan yang tidak sesuai untuk digunakan oleh pelajar golongan OKU penglihatan. Sebagai contoh guru memberi isyarat apabila pelajar keliru antara huruf *Zai* (ز) dan *Ra* (ر). Pelajar golongan OKU penglihatan menggunakan dot Braille untuk belajar Iqra', maka kebarangkalian pelajar untuk tertukar antara huruf *Zai* (ز) dan *Ra* (ر) adalah rendah. Walaubagaimanapun, kemungkinan pelajar tersilap antara dua dot itu wujud. Maka di sini, kajian menyarankan agar panduan ini ditukar kepada panduan yang lebih bersesuaian dengan para pelajar golongan OKU penglihatan.

Persembahan dalam Iqra' Braille 1 haruslah lebih menitikberatkan keupayaan golongan OKU penglihatan. Susun atur haruslah dilakukan dengan mengambil kira keupayaan mereka. Dalam rajah 3.6, jelas terdapat jarak antara kandungan dalam Iqra' Braille 1. Keadaan ini boleh menyebabkan golongan OKU penglihatan tidak sedar kewujudan dan keberadaan kandungan seterusnya. Kajian menyarankan agar penambahbaikan dilakukan agar proses pembelajaran seterusnya berjalan dengan mudah dan senang.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, secara keseluruhan, buku Iqra' Braille 1 sesuai digunakan sebagai permulaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran OKU penglihatan dari sudut isi kandungan, panduan dan aktiviti serta persembahan. Namun begitu buku Iqra' braille 1 perlu kepada penambahbaikan sebagaimana berikut:

- i. Isi kandungan buku Iqra' Braille 1 perlu kepada pengenalan huruf-huruf braille *hijaiyyah* terlebih dahulu sebelum pembelajaran sebutan huruf-huruf *hijaiyyah* dari huruf *Alif* sehingga huruf *Ya* yang berbaris fathah.
- ii. Panduan dan aktiviti hendaklah lebih menekankan kepada aspek sentuhan kerana OKU penglihatan menggunakan deria sentuhan untuk membaca tulisan braille yang terdapat didalam buku iqra' braille 1.
- iii. Susun atur huruf-huruf dan ayat pada halaman Iqra' Braille tidak memerlukan kepada *centralized* (berpusat; di tengah-tengah) kerana Braille di baca dari kiri ke kanan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Kajian ini telah diberikan dana bagi menjalankan penyelidikan di bawah skim dana penyelidikan jangka pendek yang bertajuk:

Analisis Kebolegunaan dan Penerimaan Iqra Braille dalam Kalangan OKU Penglihatan. Kod Penyelidikan: PPP/USG-0216/FPQS/30/14716.

RUJUKAN

- Al-Qardhawi, Yusuf. (2010). *Menghafal al-Quran; Seri tarbiyah*. Mizan. Bandung.
- Adnan Mohamed Yusoff, Norakyairee Hj. Mohd Raus, Mohd Nor Adzam Rasdi, Mahyuddin Hashim, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasihah Muhammad, & Desi Suryani Bakhsan Basri. (2017). Pendidikan Quran dan sunnah bagi orang kurang upaya (OKU) : Pengalaman Universiti Sains Islam Malaysia. Paper presented at *the Integrasi Ilmu Naqli & Aqli dalam Isu Pendidikan Semasa, USIM*.
- As'ad Humam. (2004). *Iqra' cara cepat belajar membaca al-Quran rasm Uthmani*. Shah Alam, Selangor: Darul Kutub Sdn. Bhd.
- Hamdi bin Ishak. (2016). Pengukuhan pendidikan Islam orang kurang upaya: Isu dan cabaran. *Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya. Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Hashim, I. (2016). Pengukuhan pendidikan Islam orang kurang upaya dalam kalangan murid sekolah. Paper presented at the *Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya 2016 (SSPIOKU 2016), Pusat Pengurusan Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Ishak, H. b. (2016). Pengukuhan pendidikan Islam orang kurang upaya: Isu dan cabaran. Paper presented at the *Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya 2016 (SSPIOKU 2016), Pusat Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Norhasnira Ibrahim et al. (2015). *Pengajaran al-Quran braille*. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Alwi Yusoff, Adel M Abdulaziz, Ahmad Kamel Mohamed. (2003). Keberkesanan Iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran. *Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan 2003*.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2014). *Braille al-Quran sejarah dan kaedah*. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Abdul Qadir Umar Usman & Noornajihan Jaafar. (2014). Towards an Uthmanic Model of Quranic Orthography in Braille. *Global Journal Al-Thaqafah*, 4(1), 41.